

# Dr M kritik pembatalan jambatan

## Bekas PM minta media usah sekat pendapat

Oleh Shamshul Azree Samshir

**P**UTRAJAYA: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad semalam sekali lagi mengkritik kerajaan berhubung keputusan Malaysia membatalkan cadangan kerajaan untuk membina jambatan menggantikan Tambak Johor.

Sebelum ini, beliau sudah beberapa kali menyuarakan rasa tidak puas hatinya terhadap pendirian Kabinet itu walaupun reaksi daripada orang ramai, termasuk Ahli Parlimen jelas bersetuju mengenainya.

Dr Mahathir ialah pencetus kepada idea pembinaan jambatan menggantikan Tambak Johor pada 1996.

Kabinet dalam mesyuaratnya minggu lalu sebulat suara membatalkan cadangan itu selepas Singapura meletakkan syarat mahukan Malaysia memberikannya satu bilion meter padu pasir dalam tempoh 20 tahun dan hak menggunakan ruang udara negara untuk pesawat tenteranya sebagai syarat untuk membubarkan tambak berkenaan.

Semalam, Dr Mahathir meminta media supaya tidak 'menyekat' komen yang diberikannya dan beliau

bertegas untuk terus menyuarakan pendapatnya.

Malah, bekas Perdana Menteri itu turut mendakwa ada akhbar yang menerima panggilan telefon 'meminta mereka untuk tidak menyiarkan itu dan ini.

"Pada zaman saya, demonstrasi (Datuk Seri Anwar Ibrahim) pun dilaporkan. Kami tidak pernah menelefon media meminta mereka tidak menyiarkannya.

"Kita tidak menelefon media," katanya pada sidang akhbar selepas dianugerahkan Ijazah Doktor Kehormat Teknologi Kejuruteraan oleh Universiti Kuala Lumpur (UniKL), di sini.

Majlis penganugerahan itu disempurnakan Canselor UniKL yang juga Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah, pada majlis konvokesyen khas.

Dr Mahathir yang melepaskan jawatannya pada Oktober 2003 dan berjanji tidak akan campur tangan dalam keputusan kepemimpinan baru kerajaan, ditanya sama ada apa yang dilakukannya sekarang bercanggah dengan kenyataannya itu.

Beliau berkata: "Mereka fikir, hanya kerana saya memberi kenyataan itu, mereka boleh berbuat sewe-


ng-wenangnya. Saya mungkin berkata begitu tetapi jika ada yang mahu menjual Malaysia kepada orang lain... kerana menjual pasir samalah seperti menjual tanah kepada orang lain kerana pasir itu digunakan untuk tebus guna tanah.

"Kita tersilap kerana menyerahkan Singapura kepada British... kini nak beri lagi?" katanya sambil menegaskan, beliau akan terus menyuarakan pendapatnya.

"Kita berusaha mendaulatkan Malaysia. Hari ini, orang menghormati kita, tetapi jika kita buat begini dan menyerah kepada Singapura, kita akan kehilangan maruah," ujarnya.

Beliau berkata, Malaysia tidak boleh berunding dengan Singapura kerana mereka mahu mengaitkan segala-galanya dengan semuanya. "Satu perkara tidak dapat diselesaikan, semuanya tidak dapat diselesaikan. Itulah cara Singapura," katanya.

Dr Mahathir juga berkata, bekas rakan sejawatnya di Singapura, Goh Chok Tong, dalam surat yang diutus kepadanya pernah berkata, jika Malaysia mahu membina jambatan di sebelah Malaysia, beliau akan menghormatinya walaupun itu mungkin bukan yang terbaik baginya.



**TERIMA ANUGERAH:** Tengku Abdullah menyampaikan Ijazah Doktor Kehormat Pertama Universiti Kuala Lumpur kepada Dr Mahathir Mohamad pada majlis Konvokesyen Khas Penganugerahan Ijazah Doktor Kehormat Pertama UniKL, semalam.